

## MPP UMP yang baharu angkat sumpah tunai kewajipan



Kuantan 9 Oktober - Seramai 27 ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Pahang Sesi 2015/2016 mengangkat sumpah menunaikan kewajipan dan taat setia di hadapan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim baru-baru ini.

Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan dan Majlis mengangkat sumpah jawatan ahli MPP UMP sesi 2015/2016 ini telah disempurnakan oleh Naib Canselor UMP , Prof. Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim bertempat di Dewan Bankuet Canseleri UMP Gambang.

Menurut Naib Canselor UMP , Prof. Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim menasihatkan agar gelanggang MPP itu bukanlah mewakili segala-galanya di dunia ini; banyak lagi sebenarnya cabaran yang menanti anda selepas ini, apatah lagi setelah tamat pengajian kelak.



"Gelanggang MPP ini sebagai satu training ground for statesmanship, di mana MPP perlu belajar untuk bertanggungjawab (accountable) terhadap sebarang keputusan yang diambil.

"Perspektif terhadap gelanggang MPP itu perlu diubah daripada medan perebutan kuasa kepada semaian subur keserjanaan dan kebijaksanaan yang memberi impak kepada komuniti mahasiswa secara keseluruhannya.," katanya.

Dalam ucapan Dato' Dr Daing Nasir turut menyentuh mengenai Fasa Pelan Strategik UMP 2016-2020 ke arah menjadikan UMP sebuah universiti gemilang pada tahun 2020. Justeru, pemimpin mahasiswa perlu berperanan secara proaktif dan terarah dalam proses rekabentuk Pelan Strategik UMP 2016-2020.

Di samping itu juga mahasiswa perlu juga menekuni semangat yang mendasari pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 dan Rancangan Malaysia Ke-11.



Tambahnya, pemahaman terhadap kandungan kedua-dua dokumen dasar tersebut akan membolehkan barisan MPP membentuk gambaran minda yang realistik terhadap apa sebenarnya hala tuju pendidikan tinggi Malaysia pada masa hadapan.

Profesor Dato' Dr. Daing Nasir turut merakamkan penghargaan kepada kepimpinan MPM sesi 2014/2015 diketuai Mohammad Syafiq Ali atas sumbangan dan komitmen yang ditunjukkan sepanjang penggal perkhidmatan mereka.

Sementara itu, Yang Di-Pertua MPP yang baharu dilantik, Madyasir Ahmad Basir berazam sentiasa komited dalam membantu pihak universiti untuk memartabatkan kecemerlangan ilmu dan sebuah universiti gemilang.



Bagi jawatan Timbalan Yang Di-Pertua di UMP Gambang disandang Oleh Muhammad Nasrullah Mohd Azuan manakala Timbalan Yang Di-Pertua di UMP Pekan pula disandang oleh Muhammad Redzuan Ras bin Abdul Rask

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Prof. Dato' Dr. Yusserie Zainuddin, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), YH. Prof. Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff dan Pemangku Pendaftar, Abd Rahman Bin Hj. Safie.

**Disediakan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat PNC**

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 13-10-2015, 14:05:14